



Ruj. Kami : JPN.01/09/01 (10)
Tarikh : 09 November 2023

Semua
Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Tuan/Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL.10/2023: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM KEM @TP

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini disertakan **Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.10/2023: Garis Panduan Pelaksanaan Program Kem @TP** bertujuan sebagai panduan dan rujukan pelaksanaan Program Kem @TP. Garis Panduan ini terpakai kepada semua kumpulan sasaran yang terlibat dalam pelaksanaan program Kem @TP sama ada di peringkat daerah/negeri.
- ... 3. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan di bawah seliaan tuan/puan. Bersama-sama ini disertakan Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.10/2023: Garis Panduan Pelaksanaan Program Kem @TP untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.
4. Ibu Pejabat JPNIN juga ingin menarik perhatian tuan/puan agar memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau pelaksanaan program Kem @TP di peringkat daerah/negeri.

5. Sebarang pertanyaan mengenai Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.10/2023: Garis Panduan Pelaksanaan Program Jom Baca @TP boleh dimajukan kepada Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional, Ibu Pejabat JPNIN.

Perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Roslan', with a long horizontal flourish extending to the right.

(DATO' H.J. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL. 10/2023: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM KEM @TP

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan Garis Panduan Pelaksanaan Program Kem @TP ini dirangka adalah bagi memberikan panduan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri untuk melaksanakan program ini di peringkat Tabika Perpaduan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 24 Julai 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021- 2030 yang mana pelan ini memberi suntikan dan nafas baharu kepada program pendidikan awal kanak-kanak Tabika Perpaduan ke arah menyemai semangat perpaduan dan patriotisme di kalangan murid Tabika Perpaduan.
- 2.2 Selari dengan pelan tersebut, konsep Tabika Perpaduan juga di ubah kepada konsep Pemupukan Semangat Cintakan Negara dan Perpaduan. Objektif Tabika Perpaduan juga telah ditambah baik sejajar dengan konsep tersebut iaitu membentuk murid yang mempunyai semangat patriotisme dan semangat perpaduan serta murid dapat menunjukkan semangat cintakan negara.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui Tabika Perpaduan akan melaksanakan program Kem @TP yang berteraskan kepada penghayatan Pendidikan Rukun Negara.
- 2.4 Program Kem @TP ini adalah dibawah Pelan Pendidikan Awal Kanak – Kanak Tabika Perpaduan 2021 – 2030 di bawah Teras 1: Strategi 2: Menerapkan Elemen Perpaduan Dan Nilai-Nilai Murni Dalam Diri Murid. Program Kem @TP ini adalah bertujuan untuk membangunkan potensi diri, meningkatkan disiplin diri dan menerapkan tingkahlaku yang positif dalam diri murid Tabika Perpaduan.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Garis panduan pelaksanaan Program Kem @TP ini adalah terpakai kepada semua kumpulan sasar yang terlibat dalam pelaksanaan program Kem @TP sama ada di peringkat Daerah/Negeri.
- 3.2 Untuk makluman, Program Kem @TP ini akan dilaksanakan secara serentak di Tabika Perpaduan pada bulan November 2023. Pelaksanaan program Kem @TP ini sama ada di peringkat Daerah /Negeri.
- 3.3 Program Kem @TP dilaksanakan sama ada di peringkat Daerah/Negeri.
- 3.4 Program Kem @TP ini disasarkan kepada Guru /Penolong Tabika Perpaduan, murid-murid Tabika Perpaduan serta ibubapa/penjaga murid Tabika Perpaduan.
- 3.5 Antara pengisian di dalam Program Kem @TP ini adalah seperti berikut:
 - 3.5.1 **Aktiviti Wajib:**
 - a) Aktiviti Penghayatan Rukun Negara dan Penerapan Nilai-Nilai Murni.
 - 3.5.2 **Pilihan Aktiviti Semasa Pelaksanaan Program: Pilih sekurang-kurangnya 3 aktiviti**
 - a) Senaman
 - b) Sukaneka
 - c) Ikhtiar Hidup (Survival) – Iubapa memasak
 - d) Taklimat Keselamatan Bersama Agensi Kerajaan
 - e) Malam Kebudayaan
 - f) Bento Perpaduan
- 3.6 Pihak Daerah/Negeri dikehendaki membuat laporan pelaksanaan program seperti di (**Lampiran A**) dalam tempoh **14 hari** setelah selesai pelaksanaan program.
- 3.7 Peruntukan kewangan pelaksanaan program Kem @TP ini adalah menggunakan peruntukan sedia ada di Tabika Perpaduan. Kelulusan perolehan bagi pelaksanaan program ini adalah berdasarkan Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan.

4.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di seluruh negara. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan sehingga arahan baru berhubung garis panduan ini dikeluarkan.

5.0 RUMUSAN

Diharapkan dengan adanya Garis Panduan ini, pelaksanaan program Kem @TP ini dapat dilaksanakan dengan lebih teratur di peringkat Daerah/Negeri. Sehubungan dengan itu, tuan/ puan adalah diminta untuk memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau pelaksanaan program Kem @TP di peringkat Daerah/Negeri.

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada:


Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Aras 8, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
No. Tel: 03-888 37128

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

9/11/23.

LAPORAN AKTIVITI PERPADUAN

Nama Aktiviti : _____

Tarikh Pelaksanaan : _____ Masa : _____

Tempat : _____

Kawasan Rukun Tetangga Luar Kawasan Rukun Tetangga

Bidang Aktiviti : Sukan Pendidikan Rekreasi Sosial
 Keselamatan Kesihatan Kebajikan Ekonomi
 Kebudayaan Agama

Kategori Aktiviti : Penggalakan Pemulihan Pencelahan Pencegahan

Kluster Program : Semarak Kenegaraan Semarak Perpaduan
 Komuniti Rahmah

Anjuran : KRT :

**Sila tandakan cawangan yang menganjurkan (jika berkaitan)*

Skim Rondaan Sukarela (SRS) Jiran Wanita
 Jiran Usia Emas Jiran Muda
 Tunas Jiran

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
 Agensi Kerajaan : Majlis Perpaduan Integrasi Selangor
 Swasta / Korporat / GLC :

 Badan Bukan Kerajaan / Sukarela :

 Lain-lain (Sila Nyatakan) :

Perbelanjaan : RM

**Sila tandakan sumber kewangan*

Jabatan

Pihak Luar

Kumpulan Sasar

Perasmi

:

Bilangan
Penyertaan

:

KOMPOSISI KAUM	JANTINA		JUMLAH
	LELAKI	PEREMPUAN	
Melayu			
Cina			
India			
Bumiputera Sabah			
Bumiputera Sarawak			
Lain-lain (Sila Nyatakan)			
JUMLAH			

Ringkasan Penilaian Aktiviti Perpaduan (Berdasarkan Kaedah Penilaian):

Kekuatan / Kelemahan Aktiviti:

Impak / Keberkesanan Aktiviti :

Cadangan Penambahbaikan:

Disediakan oleh :

.....

(Tandatangan)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Nota : Sila sertakan sekurang-kurangnya 5 keping gambar (gambar backdrop, gambar perasmian, gambar jemputan/peserta, gambar berunsur perpaduan, gambar aktiviti), buku program/aturcara program dan salinan keratan akhbar (jika ada), senarai kehadiran peserta (jika ada) dan perincian perbelanjaan.

*Borang ini perlu diemelkan kepada norhaslinda@perpaduan.gov.my dalam tempoh 2 minggu selepas pelaksanaan program